

KERJA PEMASANGAN STRUKTUR GANTRI PAPARAN IKLAN DI LALUAN ANTARA JALAN DUTA DAN BUKIT LANJAN DI KM28.20 – KM28.25 (KEDUA-DUA ARAH) DI LEBUHRAYA NKVE

Petaling Jaya, 8 September 2025:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) ingin memaklumkan bahawa kerja-kerja pemasangan struktur gantri paparan iklan merentasi lebuhraya oleh kontraktor pihak ketiga akan dilaksanakan di laluan antara Jalan Duta dan Bukit Lanjan di KM28.20 hingga KM28.25 (Kedua-dua Arah), di Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) pada 10 September hingga 11 September 2025, mulai jam 11.00 malam sehingga 5.00 pagi.

Sehubungan itu, kami menjangkakan akan berlakunya gangguan trafik yang minimum di lokasi semasa kerja-kerja dijalankan.

(Sila rujuk Infografik seperti di lampiran)

Pengguna lebuhraya disarankan supaya merancang perjalanan mereka sepanjang tempoh tersebut. Mereka juga dinasihatkan supaya mematuhi semua papan tanda trafik serta arahan yang dikeluarkan oleh petugas PLUS ketika melalui kawasan terbabit.

Pengguna lebuhraya juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi Aplikasi PLUS, Pembantu Maya PUTRI, Aplikasi X@plustrafik atau Papan Tanda Elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih. Orang ramai juga boleh menghubungi talian PLUSLine di 1800-88-0000 sekiranya ingin mendapatkan bantuan apabila berlaku kecemasan.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:


Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Email: rofina@plus.com.my
---	--

LAMPIRAN

KERJA PEMASANGAN STRUKTUR GANTRI PAPARAN IKLAN DI LALUAN ANTARA JALAN DUTA DAN BUKIT LANJAN DI KM28.20-KM28.25 (KEDUA-DUA ARAH) DI LEBUHRAYA NKVE

**Dijadualkan pada 10 September hingga 11 September 2025
mulai 11:00 malam hingga 5:00 pagi**

Sehubungan itu, sila jangkakan berlakunya gangguan trafik yang minimum di lokasi semasa kerja-kerja dijalankan



Petunjuk:

- Kawasan kerja
- Penghadang jalan plastik
- Arah aliran kenderaan

Sila patuhi arahan pengawal/papan tanda trafik di lokasi demi keselamatan bersama.

Ikuti kami di media sosial



www.plus.com.my [PLUSLine 1800-88-0000](tel:1800-88-0000) [Aplikasi PLUS](#) [PUTRI](#)



Ahli Kumpulan UEM